



# جَبَاتَانْ خَالْ اَهْوَالْ اِغْمَامْ اِسْلَامْ نِغْرِيْ قِدَحْ دَارْ اَلَامَنَّا

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

---

## ARAHAN PELAKSANAAN

### AKTIVITI KEAGAMAAN DI MASJID DAN SURAU NEGERI KEDAH DARUL AMAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 DI SELURUH NEGARA (KEMASKINI: 31 MEI 2021)

---

#### 1. PENDAHULUAN

Arahan Pelaksanaan Aktiviti Keagamaan Di Masjid dan Surau Negeri Kedah Darul Aman Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 di seluruh negara hendaklah dibaca bersama-sama dan dilaksanakan sebagai pelengkap dan justifikasi kepada:-

- a) Kenyataan Media YAB Perdana Menteri Malaysia pada petang 10 Mei 2021, mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 di seluruh negara berkuatkuasa 12 Mei 2021 sehingga 07 Jun 2021;
- b) Kenyataan Media YAB Perdana Menteri Malaysia pada petang 28 Mei 2021, mengenai pelaksanaan '**penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi**' ataupun '**total lockdown**' bagi tempoh 1 hingga 14 Jun 2021; dan
- c) Sidang Media YB Menteri Pertahanan Malaysia pada petang 30 Mei 2021.

#### 2. ARAHAN

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (JHEAIK) memohon semua institusi masjid dan surau, serta anak kariah di seluruh Negeri Kedah Darul Aman tersebut mematuhi Arahan Pelaksanaan Aktiviti Keagamaan Di Masjid dan Surau Negeri Kedah Darul Aman Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 di seluruh negara (**Kemaskini: 31 Mei 2021**).

### 3. PELAKSANAAN

Pelaksanaan arahan aktiviti keagamaan di masjid dan surau negeri Kedah Darul Aman ini adalah meliputi seluruh negeri Kedah Darul Aman yang tertakluk kepada kawasan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 tidak termasuk daerah yang tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan ianya adalah seperti ketetapan berikut:-

### 4. WAKTU OPERASI

Masjid dan surau hanya akan dibuka **15 minit** sebelum waktu **Solat Fardu Berjemaah**, manakala **30 minit** sebelum waktu **Solat Jumaat**, serta akan ditutup selepas solat disempurnakan **KECUALI:-**

4.1. Pengurusan jenazah (bukan COVID-19) dan solat jenazah. (Rujuk perkara 6.4)

### 5. SOLAT JUMAAT DAN SOLAT FARDU BERJEMAAH

5.1. Bilangan Jemaah Solat Jumaat dan Solat Fardu Berjemaah, seperti ketetapan berikut:

5.1.1. Solat Fardu Berjemaah hanya **DIBENARKAN** dengan kehadiran jemaah tidak melebihi **12** orang yang terdiri daripada pegawai dan jawatankuasa masjid dan surau sahaja.

5.1.2. Bagi solat Jumaat, **DIBENARKAN** hanya **13** orang sahaja yang terdiri daripada pegawai dan jawatankuasa kariah. (Rujuk Irsyad Al Hukmi, JMKN (F) 602 Jld. 27 bertarikh 18 Mei 2021)

5.1.3. Pihak pengurusan masjid boleh menentukan kaedah yang bersesuaian bagi menentukan jemaah lain yang layak untuk hadir melaksanakan solat Jumaat jika sekiranya jumlah pegawai masjid dan jawatankuasa kariah tidak mencukupi seperti jumlah yang ditetapkan. Jemaah yang dipilih hendaklah terdiri daripada anak kariah yang bermastautin sahaja.

#### 5.2. Ketetapan Jemaah

5.2.1. Jemaah yang mempunyai gejala atau simptom seperti demam, batuk, sesak nafas, sakit tekak, dan selesema **TIDAK DIBENARKAN**.

5.2.2. Jemaah yang berisiko atau menghidap penyakit kronik **TIDAK DIBENARKAN** atas kemaslahatan kesihatan diri yang merupakan

golongan berisiko tertinggi, agar kekal selamat dan terhindar dari kemungkinan kebolehhangkitan COVID-19.

- 5.2.3. Jemaah warga emas 70 tahun ke atas yang berisiko tinggi **TIDAK DIBENARKAN**.
- 5.2.4. Jemaah hendaklah mengambil wuduk di rumah, namun **DIBENARKAN** memperbaharunya di masjid dan surau dengan mematuhi penjarakan fizikal.
- 5.2.5. Jemaah hendaklah membawa **sejadah berukuran standard/besar** sebelum hadir ke masjid dan surau.
- 5.2.6. Jemaah hendaklah **memakai pelitup muka (*face mask*)** dan **menggunakan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*)** yang disediakan oleh pihak masjid dan surau.
- 5.2.7. Pihak jawatankuasa masjid dan surau hendaklah memastikan hanya **jemaah menepati arahan** yang ditetapkan sahaja **DIBENARKAN** sahaja memasuki dan melaksanakan solat di dalam premis masjid dan surau.
- 5.2.8. Imam atau Jawatankuasa Masjid dan Surau hendaklah sentiasa **memberi peringatan pematuhan SOP setiap kali sebelum solat** dan aktiviti lain yang dilaksanakan.

### 5.3. Panduan Sebelum Solat

- 5.3.1. Pihak masjid dan surau hendaklah menyediakan:-
  - 5.3.1.1. kaunter pemeriksaan,
  - 5.3.1.2. alat pengukur suhu,
  - 5.3.1.3. pensanitasi tangan (*hand sanitizer*),
  - 5.3.1.4. petugas di kaunter pemeriksaan dan pendaftaran,
  - 5.3.1.5. buku log kehadiran (nama, nombor telefon, dan suhu) atau *QR Code MySejahtera*, dan;
  - 5.3.1.6. penanda kedudukan jemaah dijarakkan dalam radius minimum **satu meter** antara satu dengan yang lain (sisi kanan, kiri, depan dan belakang) berdasarkan keperluan penjarakan fizikal yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

- 5.3.2. Jemaah hendaklah **hadir awal sebelum masuk waktu solat** bagi menjalani proses pemeriksaan dan pendaftaran.
- 5.3.3. Jemaah berikut **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke premis masjid dan surau:-
- 5.3.3.1. Jemaah yang diimbas suhu **melebihi 37.5 darjah Celcius**,
  - 5.3.3.2. Jemaah yang **mempunyai gejala/simptom** seperti batuk, selesema dan sesak nafas,
  - 5.3.3.3. Jemaah yang **tidak memakai pelitup muka** (*face mask*), atau;
  - 5.3.3.4. Jemaah yang **tidak membawa sejadah sendiri** (saiz standard/besar),
- 5.3.4. Pihak jawatankuasa masjid dan surau hendaklah menyusun dan menanda kedudukan jemaah dalam **radius jarak minimum satu meter** antara jemaah (sisi kanan, kiri, depan dan belakang).
- 5.3.5. Pihak jawatankuasa masjid dan surau bertanggungjawab menentukan jemaah yang dibenarkan hadir ke masjid dan surau mengikut jumlah jemaah yang dibenarkan.

#### 5.4. Panduan Semasa Pelaksanaan Solat

- 5.4.1. Jemaah mengambil kedudukan di tempat yang ditanda di dalam masjid dan surau.
- 5.4.2. Khatib bertugas bagi pelaksanaan solat Jumaat hendaklah membaca teks khutbah yang telah disediakan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman.
- 5.4.3. Imam hendaklah membaca surah atau ayat yang pendek.
- 5.4.4. Imam hendaklah meringkaskan bacaan wirid dan doa selepas solat.
- 5.4.5. Bagi solat Jumaat, tempoh masa bermula azan, khutbah hingga selesai solat Jumaat, serta wirid dan doa yang ringkas, dihadkan **tidak melebihi 45 minit**.
- 5.4.6. Bagi solat fardu berjemaah, tempoh masa bermula azan, hingga selesai solat, serta wirid dan doa yang ringkas, dihadkan **tidak melebihi 20 minit**.

#### 5.5. Panduan Selepas Solat

- 5.5.1. Setelah selesai melaksanakan solat, wirid dan doa ringkas, jemaah **DIBENARKAN** melaksanakan solat sunat *ba'diyah*, dan segera beredar selepas menyempurnakannya.
- 5.5.2. **TIDAK DIBENARKAN** berkumpul selepas solat sama ada di dalam atau di luar masjid dan surau.
- 5.5.3. Masjid dan surau hendaklah **ditutup dengan kadar segera**.
- 5.5.4. Pihak masjid dan surau hendaklah melakukan pemantauan dan pemeriksaan di dalam, di luar dan sekitar perkarangan premis masjid dan surau supaya **tiada ahli jemaah berkumpul**.
- 5.5.5. **Tidak bersalaman, berpelukan dan bersentuhan** antara sesama jemaah yang hadir.
- 5.5.6. Amalan iktikaf dalam masjid selepas solat **TIDAK DIBENARKAN**.

## 6. KETETAPAN TAMBAHAN

- 6.1. Program keagamaan dan majlis ilmu di masjid dan surau dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- 6.2. **Aktiviti-aktiviti sosial dan kemasyarakatan** di masjid dan surau seperti jamuan, kenduri, gotong royong dan sebagainya adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- 6.3. Aktiviti memasak dan menyediakan makanan di dalam kawasan premis masjid dan surau adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- 6.4. Aktiviti pengurusan jenazah adalah seperti berikut:-
  - 6.4.1. Pengurusan jenazah (**bukan COVID-19**) di masjid adalah **DIBENARKAN**.
  - 6.4.2. Solat jenazah hanya **terhad kepada pegawai/jawatankuasa masjid, ahli keluarga** si mati dan ahli kariah sahaja dengan merujuk kaedah Perkara 5.1 bagi Solat Jumaat dan Solat Fardu Berjemaah dengan mematuhi penjarakan kedudukan jemaah dalam radius minimum **satu meter** antara satu dengan yang lain (sisi kanan, kiri, depan dan belakang).
  - 6.4.3. Pengurusan jenazah di perkuburan seperti pengebumian, talqin dan doa adalah **tidak melebihi 20 orang**, terdiri daripada pegawai/jawatankuasa masjid, petugas dan ahli keluarga si mati sahaja.
- 6.5. Majlis akad nikah di masjid adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

- 6.6. Pihak masjid dan surau hendaklah **melakukan sanitasi ruang solat dan kawasan sekitarnya** termasuk tandas dan ruang wuduk sebelum dan selepas solat, terutama ruang atau tempat yang sering disentuh oleh para jemaah.
- 6.7. Mana-mana masjid dan surau yang didapati jemaah yang hadir adalah positif Covid-19, operasi masjid **hendaklah ditutup** sepenuhnya dan dilakukan proses sanitasi dan disinfeksi secara keseluruhan, serta dibuka semula 7 hari selepas proses sanitasi dilakukan, dan tertakluk atas nasihat dan pandangan Jawatankuasa Kerja Keselamatan Daerah (JKKD) Khas Isu Covid-19 atau Jabatan Kesihatan serta pihak-pihak lain yang berautoriti.

## 7. ARAHAN KHAS

Pejabat Agama Daerah berhak menentukan larangan yang **lebih ketat** terhadap mana-mana masjid dan surau dari semasa ke semasa dalam memastikan pengekangan penularan wabak Covid-19, selaras dengan slogan Kerajaan “Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi Covid-19”.

## 8. ARAHAN TERDAHULU

Sebarang arahan terdahulu yang tidak disebutkan dalam arahan terkini, sama ada digugurkan atau sebagainya, dianggap terpakai sehingga ia dimansuhkan dengan sebarang arahan yang lain.

## 9. PELANGGARAN

Mana-mana masjid atau surau yang melanggar dan tidak mematuhi arahan ini, boleh dikenakan tindakan dan kebenaran melaksanakan aktiviti keagamaan boleh ditarik balik serta merta. Sekiranya berlaku sebarang kekeliruan berhubung pelaksanaan arahan ini, keputusan **Pegawai Agama Daerah** adalah muktamad.

## 10. KUATKUASA

Arahan ini adalah berkuatkuasa bermula **01 Jun 2021** sehingga tempoh **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0** ditamatkan secara rasmi oleh Kerajaan. Melalui arahan ini, sebarang perbezaan dan percanggahan dalam arahan terdahulu adalah terbatal.

Pengarah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam  
Negeri Kedah Darul Aman

**31 MEI 2021**